



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 20 DISEMBER 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,067 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **77,309 kes** (82.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 20 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,340 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **93,309 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan**

**kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 15,563 kes.** Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat tiga (3) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 1,337 kes.

Negeri Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **441 kes (32.9 peratus)**. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **284 kes (21.2 peratus)** dan Sabah yang melaporkan sebanyak **196 kes (14.6 peratus)**.

Sebanyak **134 kes (10.0 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan depot tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (58 kes), Kluster Tembok Gajah (56 kes), Kluster Tembok (10 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (8 kes) dan Kluster Penjara Kepayan (2 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **116 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **57 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **empat (4) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **437 kes (0.47 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
434	63582	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, strok dan obesiti
435	70071	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	67	Hospital Pulau Pinang	Penyakit darah tinggi
436	72925	Sabah	Lelaki (WN)	78	Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi dan jantung
437	91013	Sabah	Lelaki (BWN)	77	Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan	-

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga beliau.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Sehingga 20 Disember 2020, terdapat sebanyak **443 kluster** telah dilaporkan termasuk **tiga (3) kluster baharu** pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **244 kluster** termasuk **tiga (3) kluster yang tamat** pada hari ini iaitu Kluster Saga, Kluster Tatahan dan Kluster Sakti di Sabah. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **199 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **44 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Tapak Bina Metropolis (140 kes)**, **Kluster Ceram (107 kes)**, dan **Kluster Penjara Jalan Harapan (58 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **tiga (3) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

### **1. KLUSTER TAPAK BINA METROPOLIS**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 14 Disember 2020 melalui saringan tempat kerja di sebuah tapak binaan. Sehingga 20 Disember 2020, sejumlah 481 individu telah disaring, di mana **147 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **2. KLUSTER ESTATE MAJU**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Kinabalu, Putatan dan Tuaran di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-74498) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 20 Disember 2020, sejumlah 63 individu telah disaring, di mana **28 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **3. KLUSTER BATU 39**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Pontian di negeri Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-90568) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 18 Disember 2020 melalui saringan bersasar di tempat kerja. Sehingga 20 Disember 2020, sejumlah 152 individu telah disaring, di mana **28 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **PENJAGAAN KESIHATAN DAN PEMATUHAN KEPADA AMALAN NORMA BAHARU KETIKA BANJIR**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum mengenai kejadian banjir di beberapa buah negeri. Pada 20 Disember 2020 sehingga jam 2 petang hari ini, tiga (3) buah negeri iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang telah dilanda banjir. Terdapat seramai 8,244 mangsa dan 71 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka. Adalah dimaklumkan, salah satu fasiliti kesihatan iaitu Klinik Kesihatan (KK) Rantau Panjang telah terjejas akibat dari kejadian banjir dan perkhidmatan berkaitan telah dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi.

Sebanyak 49 pasukan petugas perubatan dan kesihatan dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) telah digerakkan ke PPS

yang telah dibuka bagi memberikan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan rawatan. Aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit dijalankan secara berterusan. Hasil pemantauan yang dijalankan sehingga kini mendapati, tiada kejadian wabak penyakit berjangkit berlaku di PPS.

Dalam situasi negara masih dilanda pandemik COVID-19, keadaan yang sesak seperti di PPS boleh meningkatkan risiko bagi penularan penyakit. Sehubungan dengan itu, pematuhan kepada SOP dan amalan norma baharu oleh semua mangsa banjir di PPS perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua agensi yang terlibat.

Mangsa-mangsa banjir hendaklah sentiasa menjaga kesihatan sendiri, mengamalkan penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka. Selain itu, mangsa-mangsa banjir juga perlu memaklumkan kepada anggota kesihatan jika bergejala dan patuh kepada lain-lain arahan yang diberikan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

20 Disember 2020 @ 6.30 petang.





**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 20 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	196	34,478
<b>SELANGOR</b>	441 (1)	24,465
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	284	10,188
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	169	7,045
<b>JOHOR</b>	156	3,143
<b>PULAU PINANG</b>	30	2,960
<b>KEDAH</b>	6	2,888
<b>PERAK</b>	10	2,867
<b>WP LABUAN</b>	27	1,541
<b>SARAWAK</b>	3 (2)	1,090
<b>PAHANG</b>	12	889
<b>MELAKA</b>	1	695
<b>KELANTAN</b>	1	494
<b>TERENGGANU</b>	2	287
<b>WP PUTRAJAYA</b>	2	234
<b>PERLIS</b>	0	45
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,340 (3)</b>	<b>93,309</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

**Perincian 1,340 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 20 Disember 2020 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 441 kes**

- 128 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 200 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 112 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 284 kes**

- 206 kes daripada kluster-kluster, termasuk 140 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Metropolis**;
- 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- 42 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 196 kes**

- 50 kes daripada kluster-kluster, termasuk 18 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Estate Maju**;

- 87 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 59 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Negeri Sembilan: 169 kes**
  - 166 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Johor: 156 kes**
  - 123 kes daripada kluster-kluster, termasuk 18 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Batu 39**;
  - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 30 kes**
  - 19 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 27 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster sedia ada;
  - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pahang: 12 kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Perak: 10 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster sedia ada;
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah: Enam (6) kes**
  - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sarawak: Tiga (3) kes**
  - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: Dua (2) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Dua (2) kes**
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.